

# Spratly: PM yakin boleh selesai

**L**ANGKAWI 19 Feb. — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia yakin isu Kepulauan Spratly yang kini menimbulkan ketegangan baru antara China dan Filipina, boleh diselesaikan secara rundingan.

Sehubungan itu, katanya, Malaysia masih tetap dengan pendirian bahawa China bukanlah ancaman ketenteraan kepada negara ini dan negara-negara di rantau ini.

"Kita percaya soal Spratly boleh diselesaikan menerusi rundingan dua hala.

Hal ini juga telah dipersetujui oleh China. Kita tidak khuatir ancaman China sebagai kuasa tentera kepada kita," ujar beliau.

Bercakap kepada para pemberita di lapangan

terbang di sini sebelum berlepas pulang ke ibu negara, Dr. Mahathir berkata, perkara itu disentuhnya dalam perbincangan dengan Menteri Luar Australia, Gareth Evans yang mengunjungi beliau di pejabatnya di Kuala Lumpur semalam.

Menurut Perdana Menteri, Evans juga mahu kan pandangan beliau mengenai keadaan di Myanmar (Burma), pendirian Malaysia berhubung soal APEC dan juga soal hubungan dua hala Malaysia dan Australia.

## Rejim

Mengenai Myanmar, beliau berkata, negara-negara Barat tidak senang hati berhubung tekanan oleh rejim di negara itu sekarang terhadap Aun Sang Sukyi yang pernah dikenakan tahanan dalam rumah tidak lama dulu.

"Soal Burma (Myanmar) adalah soal negara... tak harus dikaitkan dengan hanya satu orang (individu) sahaja. Pendapat majoriti rakyat Burma harus diambil kira," tambah Dr. Mahathir.

Beliau juga berkata, negara itu memerlukan masa yang panjang untuk menerima konsep-konsep demokrasi seperti yang diamalkan oleh Malaysia sekarang.

Mengenai APEC, Perdana Menteri berkata, beliau menjelaskan pendirian Malaysia kepada Menteri Luar Australia itu bahawa forum kerjasama itu tidak harus menjadi blok perdagangan.

Beliau sebaliknya mahu negara-negara anggota APEC diberi kebebasan setakat mana mereka boleh bagi menerima keputusan seperti diputuskan pada sidang kemun-

cah ketua-ketua kerajaan di Bogor, tidak lama dulu.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia mahu rundingan terus juga diadakan di peringkat pegawai dan Menteri dengan Jepun sebelum negara itu menyediakan apa-apa memorandum yang akan dikemukakan kepada APEC.

## Mengelak

"Ini akan mengelak kita daripada tidak menyetujui perkara dalam memorandum yang dibincangkan itu dan seterusnya memaksa kita bersikap mengecualikan diri," tegasnya.

Mengulas perantikan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam selaku Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Perdana Menteri berkata, ia merupakan satu penghormatan besar kepada Malaysia.